

# PERANAN KOKURIKULUM DI UNIVERSITI DALAM MEMBENTUK KETERAMPILAN MAHASISWA

Ahmad Bin Esa, Hisham B Jamaludin, Fakulti Pendidikan Teknikal, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

## Abstrak

Kokurikulum merupakan aktiviti berfaedah yang mendatangkan banyak manfaat kepada pelajar. Walau bagaimanapun, kajian mengenai keterampilan pelajar melalui penglibatan dalam aktiviti kokurikulum kurang diberikan perhatian. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap keterampilan dalam kalangan Pelajar Tahun Akhir Semester 1 2008/2009 Fakulti Pendidikan Teknikal, UTHM melalui penglibatan dalam mata pelajaran kokurikulum. Keterampilan pelajar dilihat dari tiga faktor penyumbang iaitu penglibatan pelajar, peranan pensyarah/jurulatih dan infrastruktur. Skop kajian ini melibatkan empat aspek keterampilan iaitu kemahiran komunikasi, kepimpinan, bekerja dalam kumpulan dan penampilan diri yang kemas. Sampel kajian adalah seramai 107 orang. Reka bentuk kajian ini merupakan kaedah tinjauan kuantitatif. Instrumen yang digunakan ialah borang soal selidik dan hasil dapatan kajian dianalisis dengan menggunakan perisian *Statistic Package for Social Science* (SPSS) versi 11.0 untuk mendapatkan statistik deskriptif seperti kekerapan, min, dan peratus. Keputusan yang diperolehi mendapati bahawa tahap keterampilan pelajar setelah mengikuti mata pelajaran kokurikulum adalah tinggi. Dapatan kajian untuk peranan pensyarah/jurulatih dan kemudahan infrastruktur juga adalah tinggi bagi meningkatkan keterampilan diri pelajar melalui aktiviti kokurikulum. Dapatlah disimpulkan daripada kajian ini bahawa aktiviti kokurikulum yang disertai oleh pelajar mampu meningkatkan keterampilan diri dalam usaha untuk melengkapkan diri dengan pelbagai kemahiran sebelum menempuh alam pekerjaan yang lebih mencabar.

## 1.0 Pengenalan

Malaysia sebuah negara yang sedang pesat membangun setanding dengan negara membangun yang lain dari segi ekonomi, infrastruktur dan pendidikan. Selaras dengan era globalisasi kini, Malaysia sedang berusaha ke arah memupuk 'Minda Kelas Pertama' dalam kalangan rakyat sejajar dengan agenda utama negara dalam Rancangan Malaysia Ke-9 (RMK 9, 2006). Dalam tempoh rancangan tersebut usaha dipergiat untuk membangunkan modal insan melalui saluran pendidikan untuk melahirkan individu-individu berketerampilan yang mampu meneruskan arus pembangunan pada hari ini.

## 2.0 Latar Belakang Masalah

Dalam arus globalisasi ini, lapangan kerjaya amat memerlukan individu yang bukan sahaja memiliki pengetahuan yang tinggi, tetapi juga mempunyai keterampilan yang baik. Pekerja yang memiliki keterampilan yang baik dapat menyesuaikan diri dengan sebarang persekitaran pekerjaan dan mampu meningkatkan kualiti syarikat (Azali Mohamed, 2007). Abdul Rahim (2000) menyatakan dalam era pembangunan menuju abad ke-21, masyarakat dan negara amnya menuntut supaya Institusi Pengajian Tinggi (IPT) melahirkan graduan yang berkualiti dan cemerlang. Menurut Chin Pek Lian *etc al.*, (2005), kokurikulum dapat memberi banyak manfaat dan kepentingan kepada pelajar. Kokurikulum merupakan satu saluran yang menggalakkan perkembangan bakat dan sifat kreativiti pelajar.

Untuk mempertingkatkan kokurikulum di sekolah-sekolah, Abu Bakar Nordin (1991) menyatakan bahawa penyertaan para guru adalah sangat penting. Guru amat diperlukan bagi

memastikan keberkesanan pelaksanaan gerak kerja kokurikulum sekolah. Justeru, guru haruslah melengkapkan diri dengan segala pengetahuan yang berguna supaya dapat dicurahkan kepada anak didik pada masa hadapan.

Menurut Berita Harian (22 Ogos 2003), Persekutuan Majikan-Majikan Malaysia (MEF) mendakwa sukatan pelajaran di IPT tempatan masih tidak memenuhi keperluan dan tuntutan pasaran kerja dalam negara. Kenyataan ini disokong oleh Adham Baba (Berita Harian, 4 April 2004) yang menyatakan bahawa sektor awam dan swasta kini memerlukan siswazah yang memiliki kemampuan berkomunikasi, menguasai banyak bahasa, berfikiran kritis dan mampu bekerja di dalam pasukan. Meskipun kerajaan sudah berusaha mewujudkan peluang pekerjaan bersama sokongan pihak swasta, tidak ramai yang berjaya. Alasan majikan, mereka tidak mempunyai kemahiran atau pengalaman yang diperlukan seperti kehendak syarikat. Pihak universiti pula telah berusaha menyediakan pelbagai aktiviti atau modul terbaik sebagai persediaan mahasiswa melangkah ke alam pekerjaan (Azali Mohamed, 2007).

Di luar negara, aktiviti kokurikulum turut ditekankan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Sebagai contoh, Kingston International College di Australia menyediakan pelbagai aktiviti kokurikulum untuk disertai oleh pelajar-pelajarnya pada cuti semester. Ini, bermaksud, proses pembelajaran berlaku sepanjang tempoh pembelajaran walaupun pada masa cuti. Oleh itu, pelajar dapat menambah kemahiran serta pengetahuan yang tidak dapat dipelajari di dalam kelas pada waktu cuti tanpa rasa tertekan di samping mengelakkan pelajar-pelajarnya menghabiskan cuti dengan aktiviti yang tidak berfaedah (Kingston International College, 2007).

Peruntukan Kementerian Pendidikan yang menambah jumlah dana hampir empat kali ganda bagi sekolah rendah dan lima kali ganda bagi sekolah menengah dalam aktiviti kokurikulum menunjukkan bahawa kokurikulum merupakan aktiviti yang amat relevan bagi melahirkan pelajar yang terampil. Che Aziz Jaafar, 2002 berpandangan bahawa penambahan dana ini adalah selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang ingin melahirkan insan yang seimbang bukan sahaja dari aspek intelek, tetapi juga dari aspek sosial, rohani dan jasmani melalui penglibatan pelajar dalam aktiviti kokurikulum.

### **3.0 Pernyataan Masalah**

Umum mengetahui aktiviti kokurikulum merupakan satu elemen yang penting dalam proses pendidikan. Namun begitu, penekanan terhadap aspek keterampilan mahasiswa Pendidikan Teknik dan Vokasional (PTV) setelah mengikuti aktiviti kokurikulum kurang diberi penekanan kerana kajian-kajian lepas hanya menumpukan kepada penglibatan mahasiswa dalam aktiviti kokurikulum. Di samping itu kajian ini menumpukan kepada aspek peranan pensyarah dan kemudahan infrastruktur yang disediakan untuk aktiviti kokurikulum dalam membantu melahirkan mahasiswa yang terampil. Kajian ini juga dijalankan untuk melihat aspek keterampilan yang diperoleh melalui penglibatan pelajar dalam aktiviti kokurikulum sama ada disedari oleh pelajar ataupun tidak. Aspek-aspek keterampilan yang ingin dilihat adalah seperti yang dinyatakan di dalam skop kajian.

### **4.0 Objektif Kajian**

- i) Untuk meninjau penglibatan mahasiswa dalam aktiviti kokurikulum bagi meningkatkan keterampilan mahasiswa di universiti.
- ii) Untuk mengenal pasti peranan pensyarah dalam membantu mahasiswa meningkatkan keterampilan melalui aktiviti kokurikulum di universiti.

- iii) Mengetahui sama ada kemudahan infrastruktur untuk aktiviti kokurikulum yang disediakan di universiti dapat membantu melahirkan mahasiswa yang terampil.

## 5.0 Persoalan Kajian

- i) Sejauh manakah penglibatan mahasiswa dalam aktiviti kokurikulum dapat membantu meningkatkan keterampilan mahasiswa di universiti ?
- ii) Sejauh manakah peranan pensyarah dalam membantu mahasiswa meningkatkan keterampilan mahasiswa melalui aktiviti kokurikulum di universiti ?
- iii) Sejauh manakah kemudahan infrastruktur untuk aktiviti kokurikulum yang disediakan di universiti dapat membantu melahirkan mahasiswa yang terampil.?

## 6.0 Skop Kajian

- i) Kajian yang dijalankan adalah tertumpu kepada pelajar tahun akhir (sesi 2005 / 2006) Sarjana Muda Pendidikan Teknik dan Vokasional di Fakulti Pendidikan Teknikal, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) sahaja. Kumpulan ini dipilih kerana telah mengambil mata pelajaran wajib kokurikulum di universiti yang berjumlah 2 jam kredit.
- ii) Dalam kajian ini, pengkaji memfokuskan kepada tiga aspek iaitu:
  - a. Penglibatan mahasiswa di dalam aktiviti kokurikulum.
  - b. Peranan pensyarah dalam membantu mahasiswa meningkatkan keterampilan mahasiswa melalui aktiviti kokurikulum di universiti.
  - c. Kemudahan infrastruktur yang disediakan untuk aktiviti kokurikulum.
- iii) Pengkaji memfokuskan istilah keterampilan yang ingin dikaji kepada berkomunikasi secara berkesan, bekerjasama di dalam kumpulan, berkemahiran, berfikiran positif dan memiliki penampilan diri yang kemas atau sesuai.

## 7.0 Metodologi

Kaedah kajian yang dijalankan untuk kajian ini adalah kajian tinjauan (*survey*) yang merupakan salah satu kaedah penyelidikan bukan eksperimental yang paling popular digunakan dalam pelbagai bidang terutamanya dalam sains sosial. Kajian yang dijalankan ini adalah berbentuk statistik deskriptif kerana menghuraikan ciri-ciri pemboleh ubah, data dipungut daripada seluruh populasi dan statistik asas seperti min dan taburan nilai dilaporkan. Borang soal selidik digunakan sebagai instrumen dalam kajian ini. Dapatan kajian adalah berdasarkan kepada data yang dianalisis daripada borang soal selidik yang diedarkan kepada responden.

## 8.0 Dapatan Kajian

Daripada kajian yang telah dijalankan, didapati ketiga-tiga faktor penyumbang iaitu penglibatan mahasiswa dalam aktiviti kokurikulum, peranan pensyarah dan juga peranan kemudahan infrastruktur menyumbang kepada pembentukan keterampilan diri dalam kalangan mahasiswa. Perkara ini dapat dilihat dengan jelas melalui jadual di bawah,

Jadual 1 Analisis Nilai Min Keterampilan Mahasiswa Melalui Penglibatan Dalam Aktiviti Kokurikulum

Elemen Keterampilan	Min Penguasaan	Tafsiran
Kemahiran Komunikasi	4.15	Tinggi

Kemahiran kepimpinan	4.11	Tinggi
Kemahiran Bekerja Dalam Kumpulan	4.21	Tinggi
Penampilan Diri yang Kemas	4.27	Tinggi
<b>Nilai Min Keseluruhan</b>	<b>4.19</b>	<b>Tinggi</b>

### 8.1 Keterampilan Kemahiran Komunikasi

Daripada data yang telah dianalisis, setelah mengikuti mata pelajaran kokurikulum, keterampilan bagi kemahiran komunikasi dalam kalangan pelajar adalah tinggi. Hal ini menunjukkan Pelajar Tahun Akhir Semester 1 2008/2009 Fakulti Pendidikan Teknikal, UTHM menguasai kemahiran komunikasi melalui penglibatan dalam mata pelajaran kokurikulum. Keterampilan pelajar dalam kemahiran komunikasi adalah paling tinggi bagi kemahiran mendengar dengan baik.

Pengkaji berpendapat, kesedaran yang tinggi dalam kemahiran mendengar dengan baik didorong oleh motivasi diri yang kuat dalam diri pelajar. Pelajar melibatkan diri dengan aktif dalam aktiviti kokurikulum dengan mengaplikasikan kemahiran berkomunikasi supaya matlamat penglibatan dapat dicapai. Mohd Salleh Lebar (2000), menjelaskan dalam kehidupan harian, komunikasi amat penting terutamanya dalam pengirisan berita, pemindahan dan tindak balas orang yang menerima. Kalau pengirisan tidak tepat atau jelas maka orang yang menerima maklumat mengalami kekeliruan untuk menjawab atau bertidak balas.

Berdasarkan dapatan kajian, didapati responden adalah mahir dalam kemahiran mendengar dan berkomunikasi dengan baik dengan orang lain. Hal Ini menunjukkan kebanyakan Pelajar Tahun Akhir Semester 1 2008/2009 Fakulti Pendidikan Teknikal, UTHM menguasai kemahiran ini dengan baik. Pengkaji berpendapat bahawa kemahiran komunikasi adalah sangat penting kepada pelajar. Ini adalah bertepatan dengan bidang yang bakal diceburi oleh mereka yang bakal bergelar pendidik apabila menamatkan pengajian kelak. Kemahiran komunikasi adalah kemahiran penting kepada guru untuk mendidik dan berinteraksi secara mudah dengan pelajar yang lain. Menurut Abdullah Hassan dan Ainon Mohd, (2000) apabila seseorang itu ingin menjadi guru yang berkesan, popular, disukai ramai dan disanjung oleh pelajarinya, salah satu kemahiran yang mesti ada pada diri guru ialah kemahiran berkomunikasi.

Kesedaran yang tinggi terhadap kepentingan kemahiran komunikasi membantu pelajar untuk bersaing dengan lebih baik apabila menceburi bidang pekerjaan kelak. Dengan tahap kesedaran yang tinggi ini membolehkan pelajar mencapai tahap pencapaian yang tertinggi kerana mereka ada kemahuan untuk mempelajari cara-cara mendorong diri sendiri supaya lebih berjaya (Abdul Mua'ti Ahmad, 2003).

Peter Maguire and Carolyn Pitceathly (2002) dalam kajian mereka mengemukakan pendapat bahawa kemahiran komunikasi hanya boleh diperoleh apabila individu terbabit melalui sendiri pengalaman dengan cuba berinteraksi dengan masyarakat sekeliling dalam menyampaikan sesuatu mesej. Dalam menjalani aktiviti kokurikulum, pelajar berpeluang untuk berinteraksi dengan rakan dan juga pensyarah. Perkara ini membolehkan pelajar berkomunikasi dan mendengar maklumat yang disampaikan dengan baik. Pendapat ini disokong oleh Ahmad *et. al* (2005), yang mengatakan kegiatan kokurikulum dapat membina kemahiran komunikasi dalam kalangan pelajar yang mengikutinya dan kemahiran tersebut berpotensi membantu mereka apabila mereka bekerja kelak.

Menurut Marlina *et. al* (2005), kajian yang telah dilakukan oleh Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN, 2005) mendapati dari 12 kriteria yang disenaraikan oleh 115 majikan dalam satu tinjauan pengangguran yang dijalankan oleh MTEN, salah satu dari tiga kriteria teratas yang disenaraikan oleh pihak majikan ialah kemahiran komunikasi yang baik manakala pencapaian akademik pula berada di tempat yang ke lapan. Justeru itu, para graduan perlu melengkapkan diri dengan kehendak pasaran semasa iaitu mempunyai kemahiran komunikasi yang baik. Musalmah (2005), mengatakan komunikasi adalah penghidupan dan untuk hidup dengan berkesan seseorang itu perlu memiliki kemahiran komunikasi. Sekiranya kemahiran komunikasi itu dapat dikuasai dan dipraktikkan akan membantu mencapai kecemerlangan dan potensi tertinggi diri.

Secara keseluruhannya, kemahiran komunikasi merupakan antara aspek keterampilan yang terpenting. Penguasaan pelajar dalam kemahiran ini sememangnya sangat diperlukan terutamanya apabila pelajar menceburi bidang pekerjaan kelak. Dalam sesebuah temu duga, banyak majikan yang memberikan kedudukan tertinggi kepada kemahiran berkomunikasi sebelum membuat keputusan mengambil graduan tersebut bekerja. Ini kerana majikan tahu bahawa pekerja yang tidak pandai berkomunikasi dengan baik besar kemungkinan tidak dapat menjalankan tugasnya dengan baik, walaupun mempunyai rekod akademik yang cemerlang.

## **8.2 Keterampilan Kemahiran Kepimpinan**

Daripada data yang telah dianalisis, setelah mengikuti mata pelajaran kokurikulum, keterampilan kemahiran kepimpinan dalam kalangan pelajar adalah tinggi. Hal ini menunjukkan Pelajar Tahun Akhir Semester 1 2008/2009 Fakulti Pendidikan Teknikal UTHM menguasai kemahiran kepimpinan ini melalui penglibatan dalam mata pelajaran kokurikulum. Keterampilan pelajar dalam kemahiran kepimpinan adalah paling tinggi bagi kemahiran menyedari kewujudan masalah.

Proses kepimpinan terbentuk apabila seorang ketua mampu untuk mengemudi kumpulan atau orang yang dipimpin dengan baik Gary Yukl (2001). Dalam konteks kokurikulum, kemahiran kepimpinan merupakan aspek yang diterapkan apabila melibatkan aktiviti gerak kerja luar yang memerlukan seorang pemimpin dalam kalangan pelajar untuk menjadi ketua bagi menjamin aktiviti yang dijalankan berlangsung dengan lancar dan jayanya. Pendapat ini disokong oleh Helen M. Gunter (2001) yang menyatakan pendapatnya bahawa melalui penglibatan dalam aktiviti kokurikulum, seseorang individu mampu untuk memimpin kerana telah berorganisasi dan mempunyai matlamat tertentu untuk dicapai.

Berdasarkan dapatan kajian, didapati responden adalah mahir dalam kemahiran menyedari kewujudan masalah. Pada pendapat pengkaji, pelajar dipengaruhi oleh faktor penglibatan pelajar dalam aktiviti kokurikulum. Sebagai analoginya, apabila pelajar diberikan sesuatu tugas dalam aktiviti kokurikulum terutamanya yang melibatkan kerja berkumpulan, tugas tersebut diselesaikan mengikut tempoh waktu yang ditetapkan. Pembahagian tugas dilakukan oleh seorang ketua dan ketua ini memantau perkembangan tugas yang perlu disiapkan. Apabila wujud masalah semasa proses menyiapkan tugas, ketua terbabit haruslah peka dengan menyedari dan mengenal pasti punca kewujudan masalah. Dalam proses ini, kemahiran kepimpinan diaplikasikan dalam menyelesaikan masalah. Proses ini dapat melatih pelajar untuk menjadi seorang pemimpin yang baik.

Kajian yang dijalankan oleh Deborah Hopen (2002) mendapati bahawa ciri-ciri kepimpinan dapat diterapkan kepada pelajar melalui aktiviti luar yang disertai. Dapatan kajian tersebut adalah sama dengan dapatan kajian yang dijalankan oleh pengkaji bahawa melalui penglibatan pelajar dalam aktiviti kokurikulum, keterampilan kepimpinan pelajar dapat dibentuk. Kepimpinan merupakan satu

aspek keterampilan yang amat penting kepada pelajar. Pelajar perlu memiliki kepimpinan yang baik supaya dapat memimpin sesuatu organisasi dengan baik. Kemahiran kepimpinan amat penting kepada pelajar kerana pelajar bakal berhadapan dengan pelbagai lapisan masyarakat dan golongan dalam struktur kepimpinan kelak. Dalam konteks pendidikan, guru adalah pemimpin di dalam kelas. Jika guru tidak dapat mengawal dan memimpin murid-murid di dalam kelas, pembelajaran tidak dapat berjalan dengan sempurna.

Secara kesimpulannya, penguasaan pelajar bagi kemahiran menyedari kewujudan masalah adalah amat baik sebagai langkah untuk menjadi seorang pemimpin yang berkaliber. Melalui penglibatan dalam aktiviti kokurikulum, kemahiran ini dapat dibentuk dan ditingkatkan terutamanya melalui aktiviti yang melibatkan pembentukan organisasi.

### **8.3 Keterampilan Bekerja Dalam Kumpulan**

Daripada data yang telah dianalisis, setelah mengikuti mata pelajaran kokurikulum, keterampilan kemahiran bekerja dalam kumpulan dalam kalangan pelajar adalah tinggi. Hal ini menunjukkan Pelajar Tahun Akhir Semester 1 2008/2009 Fakulti Pendidikan Teknikal UTHM menguasai kemahiran bekerja dalam kumpulan melalui penglibatan dalam mata pelajaran kokurikulum. Keterampilan pelajar dalam kemahiran bekerja dalam kumpulan adalah paling tinggi bagi kemahiran membantu ahli dalam kumpulan.

Pengkaji berpendapat bahawa apabila pelajar melibatkan diri dalam aktiviti kokurikulum, satu ikatan jalinan persahabatan wujud dalam kalangan pelajar melalui pergaulan sosial. Apabila salah seorang ahli memerlukan pertolongan, pelajar lain tampil memberikan pertolongan dalam usaha cuba membantu menyelesaikan masalah yang dihadapi. Perkara ini adalah bertepatan dengan pandangan Syarifah Mariam Syed Akil (2007) yang menyatakan bahawa melalui aktiviti kokurikulum, pelajar dari pelbagai lapisan bangsa dan agama bersatu dan membantu antara satu sama lain dalam menjalankan aktiviti kokurikulum secara bersama.

Pendapat ini turut dipersetujui oleh Bass (1999) yang menyatakan bahawa kemahiran yang diperlukan dalam pembelajaran bagi mencapai kejayaan bekerja dalam pasukan ialah seseorang itu mestilah sentiasa tolong-menolong di antara satu sama lain dalam memahirkan diri dalam bidang tugas yang diberikan serta sentiasa berupaya memberi dan menerima kritikan yang membina. Kemahiran ini juga dapat membantu semua ahli dalam kumpulan bekerjasama untuk berusaha mencapai kejayaan secara bersama dengan mudah.

Anizah Abdul Razak (2002) dalam kajiannya mendapati bahawa semangat kerja berpasukan dapat diperoleh melalui penglibatan pelajar dalam aktiviti kokurikulum. Perkara ini adalah bertepatan dengan dapatan kajian yang dijalankan oleh pengkaji iaitu melalui penglibatan pelajar dalam aktiviti kokurikulum, keterampilan bekerja dalam kumpulan dapat dibentuk dalam kalangan pelajar. Bekerja dalam kumpulan amat penting kerana dapat memudahkan kerja melalui pembahagian tugas. Tugas yang kompleks menjadi mudah jika diusahakan bersama-sama dalam kumpulan. Tugas juga dapat disiapkan dalam tempoh masa yang lebih cepat jika dibandingkan dengan tugas yang dibuat secara individu.

Omar bin Md. Salleh (2005) menyatakan melalui kajian yang telah dijalankan bahawa tahap kebimbangan atlet sebelum menyertai sesuatu pertandingan adalah tinggi. Untuk mengatasi masalah tersebut, atlet perlu menyediakan diri dengan ilmu psikologi yang cukup serta mempunyai jalinan kemahiran bekerja dalam kumpulan yang baik supaya dapat manambah kekuatan diri di samping membantu kesepaduan dalam kumpulan. Perkara ini mampu diperoleh melalui penglibatan pelajar

dalam aktiviti kokurikulum di sekolah. dalam setiap aktiviti kokurikulum yang diceburi, penerapan kemahiran bekerja dalam kumpulan sering dititikberatkan supaya pelajar mampu mengharungi pelbagai cabaran secara bersama.

Dalam konteks aktiviti kokurikulum, kualiti kerja yang dilaksanakan dalam kumpulan adalah lebih baik. Kerjasama yang terjalin dalam menyiapkan tugas dalam kumpulan membuatkan tugas yang diberikan mudah untuk dilaksanakan.

Kesimpulannya, sifat membantu antara satu sama lain dalam kumpulan merupakan kemahiran yang paling dikuasai oleh pelajar setelah mengikuti mata pelajaran kokurikulum. Pelajar harus bijak dan pandai untuk melibatkan diri dalam satu komuniti atau kumpulan agar dapat menjalani kehidupan sosial dengan sempurna. Melalui penglibatan dalam aktiviti kokurikulum, pelajar didedahkan dengan banyak peluang untuk menambah kenalan baru serta bekerjasama di dalam kumpulan untuk mencapai matlamat secara bersama.

#### **8.4 Tahap Keterampilan Penampilan Diri Yang Kemas**

Daripada data yang telah dianalisis, setelah mengikuti mata pelajaran kokurikulum, keterampilan kemahiran penampilan diri yang kemas adalah paling tinggi di antara keempat-empat aspek keterampilan yang dikaji. Hal ini menunjukkan Pelajar Tahun Akhir Semester 1 2008/2009 Fakulti Pendidikan Teknikal UTHM menguasai kemahiran penampilan diri yang kemas melalui penglibatan dalam mata pelajaran kokurikulum.

Keterampilan pelajar paling tinggi apabila berpandangan bahawa mudah diterima oleh masyarakat melalui penampilan yang kemas. Pengkaji berpendapat bahawa persepsi atau penilaian masyarakat adalah berdasarkan kepada penampilan diri pelajar. Penampilan secara tidak langsung mencerminkan identiti dan perwatakan manusia (Abdullah Hassan dan Ainon Mohd 1999).

Menerusi aktiviti kokurikulum terutamanya yang melibatkan pasukan pakaian beruniform, kemahiran ini dapat dibentuk dengan pakaian yang wajib dikenakan untuk menghadiri aktiviti persatuan. Kelangsungan daripada pemakaian kemas ini adalah bertepatan dengan etika pemakaian pelajar FPTek di fakulti yang menuntut agar setiap pelajar mematuhi etika berpakaian kemas yang telah ditetapkan. Hal ini adalah sebagai latihan supaya para pelajar dapat menyesuaikan diri apabila berada di sekolah kelak.

Heidi Solberg (2001) mengemukakan pendapatnya bahawa salah satu objektif penglibatan pelajar dalam pasukan pengakap adalah untuk melahirkan pelajar yang mempunyai penampilan yang kemas. Menurut Bahagian Komunikasi UNICEF Malaysia 2007, sekolah berperanan untuk melahirkan pelajar yang mempunyai penampilan kemas melalui aktiviti kokurikulum. Kenyataan ini juga disokong oleh Abdul Alim (1999), aktiviti kokurikulum mampu mendidik pelajar untuk berdisiplin dalam penampilan diri melalui aktiviti badan beruniform seperti Pasukan Pengakap.

Pelajar bermotivasi untuk tampil kemas kerana mudah untuk bersosial dan diterima masyarakat. Kesimpulannya, melalui aktiviti kokurikulum, pelajar dapat mengaplikasikan pembelajaran dalam kehidupan seharian dengan berpakaian kemas. Melalui penampilan, pelajar bukan sahaja menggambarkan watak atau peribadi diri sendiri, tetapi juga menampakkan hasil daripada penerapan nilai dalam aktiviti kokurikulum itu sendiri.

Perkara ini adalah bertepatan dengan dapatan kajian yang telah dijalankan oleh Maizah Mohamad Som (2001), yang menyatakan bahawa melalui penglibatan dalam aktiviti kokurikulum

terutamanya badan beruniform, pelajar akan tampil kemas melalui pakaian khas yang melambangkan identiti pasukan seragam yang diwakili. Penampilan diri amat penting ditonjolkan terutamanya bakal pendidik dari kalangan pelajar PTV. Melalui penampilan diri yang kemas, pelajar berasa lebih yakin untuk tampil dalam khalayak ramai bagi melaksanakan tugas sebagai seorang guru. Di samping itu, penampilan diri yang kemas dapat menggambarkan perwatakan atau identiti pelajar itu sendiri. Perkara ini amat penting terutamanya apabila pelajar tersebut pergi menjalani latihan mengajar di sekolah. Penampilan diri yang kemas dapat menggambarkan bahawa pelajar tersebut mempunyai kredibiliti sebagai seorang guru yang cemerlang.

Daripada perbincangan yang telah dinyatakan di atas, terbukti bahawa keterampilan diri dalam kalangan pelajar dapat ditingkatkan melalui penglibatan dalam aktiviti kokurikulum. Pengkaji menyatakan pandangan ini adalah berdasarkan kepada hasil dapatan kajian yang telah dianalisis.

## 8.5 Peningkatan Tahap Keterampilan Melalui Sumbangan Peranan Pensyarah

Jadual 2. Analisis Nilai Min Faktor Penyumbang Peranan Pensyarah Dan Peranan Kemudahan Infrastruktur

<b>Faktor Penyumbang Keterampilan</b>	<b>Min Penguasaan</b>	<b>Tafsiran</b>
Peranan Pensyarah	4.06	Tinggi
Peranan Kemudahan Infrastruktur	3.74	Tinggi

Daripada data yang telah dianalisis, pensyarah / jurulatih banyak mendedahkan dengan aktiviti luar yang dapat membantu meningkatkan keterampilan diri. Pada pendapat pengkaji, hal ini adalah bertepatan dengan definisi kokurikulum itu sendiri. Menurut Mohamed Nor (1985), kokurikulum bukanlah terpisah daripada kurikulum pendidikan. Kokurikulum sebenarnya aktiviti amali sebagai lanjutan mata pelajaran bilik darjah atau kuliah. Pengetahuan daripada mata pelajaran lain diintegrasikan di dalam aktiviti praktikal semasa menjalani aktiviti kokurikulum tersebut. Aktiviti-aktiviti di dalam kokurikulum mestilah bersifat kemasyarakatan yang mempunyai ciri-ciri keilmuan dan nilai. Aktiviti-aktiviti hendaklah memupuk semangat bekerjasama di dalam kumpulan dan saling bantu-membantu di antara satu sama lain (Zalma Abd. Rahman, 2002).

Peranan pensyarah amat penting dalam membentuk minat serta memberi galakan terutama kepada pelajar dalam membantu membentuk keterampilan diri. Pensyarah / jurulatih bukanlah berperanan sebagai pembentuk, tetapi sebagai mentor kepada pelajar serta memberi panduan dalam membentuk keterampilan diri setelah melibatkan diri dalam aktiviti kokurikulum. Menurut Perakuan 50 Laporan Kabinet 1979, guru-guru hendaklah didedahkan kepada pendekatan yang menarik dalam pengendalian kegiatan-kegiatan kokurikulum apabila mereka menjalani kursus latihan perguruan.

Melalui penglibatan pelajar dalam aktiviti kokurikulum, pensyarah / jurulatih dapat menerapkan kemahiran-kemahiran yang tidak dipelajari di dalam bilik kuliah bagi meningkatkan keterampilan diri pelajar. Peranan pensyarah / jurulatih seharusnya mampu menimbulkan motivasi serta bijak memilih pendekatan dalam menarik minat pelajar untuk menyertai aktiviti kokurikulum. Hal ini adalah penting memandangkan aktiviti kokurikulum di peringkat pengajian tinggi menawarkan pelbagai jenis aktiviti serta program yang boleh disertai oleh pelajar (Mohd Salleh Lebar, 2000).

Melalui kajian yang telah dijalankan oleh Mohd Salleh Bin Mahat (2008), beliau berpandangan bahawa peranan guru dalam gerak kerja aktiviti kokurikulum amat penting seta memberi sumbangan yang tinggi dalam pembentukan keterampilan pelajar. pensyarah atau guru terlibat secara menyeluruh dalam memantau serta mengawasi pergerakan pelajar dalam aktiviti kokurikulum yang dijalankan. Oleh yang demikian, pensyarah mempunyai tempoh waktu yang



panjang bersama pelajar untuk berkongsi pengetahuan serta memberi pendedahan tentang ilmu serta kemahiran tambahan bagi meningkatkan keterampilan dalam diri pelajar.

Keterampilan diri dalam kalangan pelajar dapat ditingkatkan melalui sumbangan pensyarah / jurulatih yang banyak mendedahkan pelajar dengan pelbagai aktiviti luar. Melalui pendekatan ini, pensyarah / jurulatih lebih mudah menerapkan kemahiran-kemahiran keterampilan dalam diri pelajar. Perkara ini adalah bertepatan dengan hasil kajian yang telah dijalankan oleh Carol C. Teitz *etc al.*, (1997) yang menyatakan bahawa guru memainkan peranan yang penting dalam menerapkan kemahiran-kemahiran tertentu yang tidak diperoleh di dalam kelas, sebaliknya melalui aktiviti luar yang disertai oleh pelajar seperti *summer-camp* dan pengakap.

Daripada perbincangan di atas, dapat disimpulkan bahawa pensyarah / jurulatih memberikan sumbangan yang tinggi dalam membantu membentuk keterampilan mahasiswa melalui aktiviti kokurikulum. Pengkaji menyatakan pandangan ini adalah berdasarkan kepada hasil dapatan kajian yang telah dianalisis. Oleh yang demikian, pelajar perlu memanfaatkan segala ilmu serta pengetahuan yang dicurahkan oleh pensyarah / jurulatih dalam aktiviti kokurikulum bagi membentuk keterampilan diri yang cemerlang.

## **8.6 Peningkatan Tahap Keterampilan Melalui Sumbangan Kemudahan Infrastruktur**

Daripada jadual 8.2, faktor sumbangan kemudahan infrastruktur dalam membentuk keterampilan mahasiswa adalah tinggi. Perkara ini menjelaskan bahawa kemudahan infrastruktur dalam aktiviti kokurikulum turut menyumbang kepada pembentukan keterampilan mahasiswa dalam kalangan Pelajar Tahun Akhir PTV Semester 1 2008/2009.

Walaupun secara keseluruhannya faktor sumbangan kemudahan infrastruktur adalah tinggi bagi pembentukan keterampilan mahasiswa melalui aktiviti kokurikulum, masih terdapat beberapa item yang sederhana daripada data yang telah dianalisis. Perkara ini adalah bertepatan dengan pandangan pelajar dalam pandangan terbuka pada bahagian borang soal selidik yang menyatakan bahawa kemudahan infrastruktur yang kurang boleh menyebabkan pelajar kurang berminat untuk menceburi aktiviti kokurikulum dengan lebih aktif. Bilangan kemudahan infrastruktur yang ada pada masa kini adalah tidak sesuai berbanding dengan pertambahan jumlah bilangan pelajar yang mendaftar di UTHM pada setiap tahun.

Hasil kajian yang diperoleh adalah bertepatan dengan dapatan kajian John W Orchard dan Caroline F Finch (2002) yang menyatakan bahawa kemudahan infrastruktur yang baik dapat menarik penglibatan pelajar dalam aktiviti sukan. Pelajar yang melibatkan diri dalam aktiviti kokurikulum dapat menggunakan segala kemudahan infrastruktur yang ada yang disediakan oleh pihak universiti bagi menjalani aktiviti kokurikulum. Kemudahan yang baik serta selamat sebenarnya mampu mengelakkan kecederaan yang boleh menimpa pelajar serta memastikan segala aktiviti yang dijalankan berlaku dengan lancar dan sempurna.

Kamarudin Ahmad (1998) menyatakan, kekurangan peralatan sukan juga berlaku di sekolah-sekolah sukan sendiri dan ini lebih-lebih lagi akan berlaku di Sekolah Menengah Teknik di Malaysia. Perkara ini sebenarnya tidak dapat menggalakkan pelajar untuk menceburi aktiviti kokurikulum dengan baik. Minat pelajar menjadi terbatas untuk menceburi bidang kokurikulum dengan lebih aktif. Oleh yang demikian, kemudahan infrastruktur menyumbang faktor yang tinggi bagi pelajar untuk menceburi aktiviti kokurikulum dengan lebih aktif. Akibatnya, keterampilan diri pelajar tidak dapat ditingkatkan kerana pelajar tidak minat untuk menyertai aktiviti kokurikulum yang kurang kemudahan infrastrukturnya.

Daripada perbincangan di atas, dapat disimpulkan bahawa kemudahan infrastruktur memberikan sumbangan yang tinggi dalam membantu membentuk keterampilan mahasiswa melalui aktiviti kokurikulum. Oleh yang demikian, pelajar harus menggunakan kemudahan yang telah disediakan dengan sebaik mungkin dalam proses membentuk keterampilan diri melalui penglibatan dalam aktiviti kokurikulum.

## 9.0 Cadangan

Daripada hasil kajian yang dijalankan ini, pengkaji mencadangkan beberapa cadangan yang berguna kepada pengkaji lain. Antara cadangan kajian lanjutan yang difikirkan ialah,

- a. Pengkaji lanjutan boleh membuat kajian terhadap elemen keterampilan lain seperti berfikiran positif, berwawasan jauh, berpengetahuan, berkemahiran, pemikiran kreatif, fleksibel, dan menggunakan *higher order thinking*.
- b. Pengkaji lanjutan boleh mengkaji faktor-faktor yang menyumbang keterampilan pelajar melalui aktiviti kokurikulum yang lain seperti seperti ibu bapa, teman sebaya dan jenis aktiviti kokurikulum.
- c. Pengkaji hanya menggunakan skor min dan peratusan untuk menganalisis dapatan kajian. Pengkaji lanjutan boleh menggunakan '*t-test*' atau ujian lain dalam SPSS untuk mengkaji perbandingan di antara pelajar yang menceburkan diri dalam aktiviti kokurikulum dengan aktif dengan pelajar yang kurang menyertai aktiviti kokurikulum.
- d. Kajian ini hanya tertumpu kepada responden yang melanjutkan pengajian di IPTA sahaja. Oleh itu kajian lanjutan boleh dijalankan di IPTS untuk membuat perbandingan aktiviti kokurikulum yang dijalankan di antara IPTA tempatan dengan IPTS.

## 10.0 Kesimpulan

Kepesatan globalisasi serta revolusi perindustrian turut terkena tempiasnya kepada dunia pendidikan. Dalam usaha negara menuju status negara maju menjelang tahun 2020, pelajar perlu dilengkapi dengan pelbagai aspek kemahiran bukan sahaja dengan pencapaian akademik semata-mata. Hal ini adalah kerana pelajar merupakan sumber tenaga manusia yang amat penting dalam memacu pertumbuhan negara. Aspek keterampilan merupakan salah satu kemahiran yang perlu dilengkapi dalam setiap diri pelajar agar dapat bersaing dengan dunia luar kelak.

Kokurikulum dilihat sebagai medium serta wadah terbaik yang mampu menerapkan aspek keterampilan dalam diri pelajar. Melalui penglibatan pelajar dalam pelbagai aktiviti, aspek keterampilan dapat diterap dan disemai dalam diri pelajar sama ada disadari atau tidak. Dalam menjana modal insan kelas pertama, Malaysia memerlukan tenaga mahir yang bijak berkomunikasi dengan pelbagai lapisan masyarakat, kebolehan memimpin organisasi, mengamalkan kerja berkumpulan dan sebagainya. Penerapan aspek keterampilan dalam aktiviti kokurikulum dapat menjana penampilan diri yang kemas di samping kemahiran komunikasi yang berkesan. Penguasaan ini memberi kelebihan kepada pelajar dalam menyusuri kehidupan dan merealisasikan harapan Malaysia menjadi negara maju setanding dengan negara-negara maju seperti Amerika Syarikat dan Jepun.. Berdasarkan kepentingan aspek keterampilan dalam diri pelajar, maka wajarlah pelajar mengambil inisiatif untuk memajukan diri dengan menanam kesedaran dalam diri di samping berusaha menguasai pelbagai kemahiran lain melalui aktiviti kokurikulum bagi meluaskan penguasaan pelajar

dalam meningkatkan keterampilan diri. Secara keseluruhannya, aspek keterampilan melalui penglibatan dalam aktiviti kokurikulum merupakan pelengkap kepada pembentukan generasi muda yang kompeten sebagai aset negara yang paling berharga dalam menyahut cabaran era globalisasi.

## Rujukan

Ab. Alim Abd Rahim (1999). "Pengurusan Kokurikulum." Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn Bhd.

Abdul Mua'ti Ahmad (2003). "Komunikasi Di Tempat Kerja" : Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Abdul Rahim M. Ali (2000). "Ilmu Pendidikan DPM." Kuala Lumpur : Utusan.

Abu Bakar Nordin (1991). "Reformasi Pendidikan Dalam Menghadapi Cabaran 2020": Kuala Lumpur: Nurin Enterprise.

Ahmad Esa, Jailani Mohd Yunus, dan Noraini Kaprawi (2004). "Peranan Kokurikulum dalam Pembangunan Kemahiran Generik" Jurnal Sains Sosial. KUiTTHO: **Jilid 2. Bil 1.** hlmn 1-7.

Ainon Mohd dan Abdullah Hassan (1999). "Komunikasi Di Tempat Kerja." Bentong : PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.

Anizah Abdul Razak (2002). "Penglibatan pelajar dalam bidang kokurikulum dan hubungannya dengan pencapaian akademik pelajar: Satu tinjauan ke atas Pelajar Diploma dan Sarjana Muda KUiTTHO." Batu Pahat : UTHM.

Bass, J (1999). "*Collabarative Learning Group Work & Study Teams.*" <http://www.uga.berkeley.edu/sled/bgd/collabarative.html>. Dicapai pada 15 September 2008.

Berita Harian ( 2003) . "Kursus Di IPT Tidak Berkesan." Berita Harian, 22 Ogos 2003

Berita Harian (2004). "Misi UTHM lahirkan Mahasiswa Seimbang." 4 April 2004.

Carol C. Teitz, M.D.Seattle Washington and William E. Garretty (1997). "Instructional Course Lectures, The American Academy of Orthopaedic Surgeons - Tendon Problems in Athletic Individuals." Volume 1.hlmn 35-43.

Che Aziz Jaafar dan Aminuddin Yusof (2002). "Perlunya Kokurikulum Dalam Sistem Pendidikan Sekolah." Dalam Mohd. Sofian Omar Fauzee, Aminuddin Yusof dan Borhan Yusof (2002). "Kokurikulum Peranan Dan Implikasi." Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors Sdn. Bhd.

Chin Pek Lian, Low Li Chuen dan Vivian Low Yen Yeong (2005). "Masalah Disiplin Pelajar, Pendekatan Dan Penyelesaian." Skudai : UTM.

Deborah Hopen (2002). "Guiding Corporate Behaviour : A Leadership Obligation, Not a Choice." Volume 1. hlmn 15-19.

Gary Yukl (2001). "*Leadership In Organizations*" <http://www.ncsl.org.uk/media-F7B-97-randd-leaders-business-yukl.pdf>. Dicapai pada 15 September 2008.

- Harian Metro ( 2007). "Program Kokurikulum Berkredit." *Harian Metro*. 24 Disember 2004.
- Heidi Solberg (2001). "*Learning Our Motto, Living Our Creed*": *The Goals of Camping in Girl Scout Programs*. Western Michigan University. <http://www.la84foundation.org/SportsLibrary>.
- Helen M. Gunter (2001). "Leaders and Leadership in Education." London : Paul Chapman Publishing.
- John W Orchard and Caroline F Finch (2002). "*Australia Needs To Follow New Zealand's Lead On Sports Injuries*." <https://www.mja.com.au/public/issues>. Dicapai pada 15 sept 2008.
- Kamarudin Ahmad (1998). "Keberkesanan Aktiviti Ko-Kurikulum (Sukan) : Perbandingan di antara Sekolah Menengah Teknik dan Sekolah Menengah Akademik Harian." <http://apps.emoe.gov.my/ipba/rdipba/cd1/articles199.pdf>
- Kingston International College (2007). "*Summer Camp*": <http://www.kingstoncollegeu.au/secretariat/council/generic.html>. Dicapai pada 26 Februari 2008.
- Maizah Mohamad Som (2001). "Kepentingan mata pelajaran kokurikulum di kalangan pelajar Institusi Pengajian Tinggi : Tinjauan ke atas Pelajar Tahun Akhir Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik di KUiTTTHO." Batu Pahat: UTHM. Tidak Diterbitkan.
- Marlina, Sufian Rashid dan Hassan Ahmad (2005). "Inovasi Dalam Pedagogi: Kurikulum & Pendidikan Malaysia." Kuala Lumpur. <http://www.geocities.com/nikzaful/pendidikan.net/psikologi.htm>. Dicapai pada 15 September 2008.
- Mohamed Nor (1985). "Pengurusan Kokurikulum." Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn Bhd.
- Mohd Salleh Lebar (2000). "Pentadbiran Pendidikan & Pendidikan Di Malaysia." Petaling Jaya : Addison Wesley Longman Malaysia Sdn. Bhd.
- Mohd Salleh Mahat (2008). "Pembentukan Awal Perwatakan dan Sahsiah Guru Pelatih Melalui Aktiviti GERKO-Olahraga: Satu Tinjauan Persepsi Guru Pelatih di Institut Perguruan Batu Lintang." *Jurnal Penyelidikan Institut Perguruan Batu Lintang*, Jilid 8.
- Musalmah Yahya (2005). "Penerapan Kemahiran Komunikasi dalam Pembentangan Tugas." Batu Pahat : UTHM.
- Omar Md. Salleh (2005). "Tahap Kebimbangan Pertandingan Atlit Maktab Perguruan Seri Kota." <http://apps.emoe.gov.my/ipba/rdipba/cd1/articles119.pdf>.
- Peter Maguire and Carolyn Pitceathly (2002). "*Key Communication Skills And How To Acquire*." <http://www.bmj.com/cgi/content/full>. Dicapai pada 26 Februari 2008.
- Sharifah Meriam Bt. Syed Akil (2007). "Cabaran Kepimpinan Kokurikulum." Universiti Industri Selangor.
- Zalma Abdul Rahman dan Aminuddin Yusof (2002). "Pergerakan Pengakap Melahirkan Generasi Berketrampilan." Dalam Mohd. Sofian Omar Fauzee, Aminuddin Yusof dan Borhan Yusof

(2002). "Kokurikulum Peranan Dan Implikasi." Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors Sdn. Bhd.